

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

1.0 TUJUAN

Pelaksanaan Kempen Tiada Plastik iaitu caj ke atas setiap beg plastik sekali guna yang diperoleh dari premis perniagaan merupakan salah satu daripada pelan tindakan dalam *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics, 2018 -2030* / Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna, 2018 -2030 (Pelan Hala Tuju). Matlamat pengenaan caj ke atas beg plastik ini adalah sebagai satu bentuk pencegahan ke arah pengurangan penggunaan plastik sekali guna di kalangan pengguna. Oleh itu, Garis Panduan Pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik ini disediakan sebagai asas panduan dan rujukan untuk pelaksanaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

2.0 LATAR BELAKANG

Di Malaysia, tiada satu kerangka polisi yang seragam bagi menangani masalah pencemaran sisa plastik sekali guna. Larangan penggunaan beg plastik serta mekanisme pelaksanaan adalah berlainan mengikut kerajaan negeri. Melalui pelan hala tuju yang dilancarkan pada 17 Oktober 2018, Kerajaan Persekutuan memperkenalkan satu polisi yang seragam dalam usaha mengurangi penggunaan plastik sekali guna di kalangan masyarakat iaitu pengenaan caj ke atas beg plastik melalui Kempen Tiada Beg Plastik Justeru, pembangunan garis panduan kepada semua pemegang taruh termasuklah kerajaan negeri adalah perlu dalam menangani pencemaran plastik sekali guna secara seragam dan holistik ke arah persekitaran yang bersih dan sihat menjelang 2030.

3.0 OBJEKTIF

Objektif pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik adalah untuk:

- (i) mengurangkan jumlah penggunaan beg plastik sekali guna (beg jinjit) sekali gus mengurangkan pencemaran sisa plastik;
- (ii) meningkatkan kesedaran dalam memelihara alam sekitar; dan
- (iii) memberikan insentif kewangan kepada PBT dan Kerajaan Negeri yang boleh digunakan bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, pengurusan sisa dan kesejahteraan rakyat.

4.0 DEFINISI DAN KONSEP

Kempen Tiada Beg Plastik merujuk kepada **kutipan caj minimum 20 sen bagi setiap helaian beg plastik (hidrokarbon atau *biodegradable/compostable*) yang dibekalkan kepada pelanggan di kaunter bayaran premis perniagaan**. Hasil kutipan daripada jualan beg plastik tersebut mestilah diserahkan oleh peniaga/peruncit kepada Kerajaan negeri melalui PBT.

Beg plastik merujuk kepada sebarang bentuk beg jinjit yang dihasilkan menggunakan bahan plastik (*biodegradable* atau *non-biodegradable*) yang nipis serta fleksibel, yang mempunyai

pemegang atau tidak, yang disediakan oleh pihak premis peniagaan untuk tujuan mengisi barang pembelian yang dibekalkan kepada pelanggan di kaunter bayaran.

Definisi jenis beg plastik jinjit sekali guna:

Jenis Beg Plastik	Keterangan
Sekali guna <i>non-biodegradable</i>	Plastik nipis dan ringan yang dihasilkan dari sumber petroleum yang tidak terurai oleh mikroorganisma melalui proses enzimatik contohnya seperti plastik daripada Low-Density Polyethylene (LDPE). Kegunaan beg plastik umumnya untuk sekali guna untuk setiap pembelian.
Sekali guna <i>biodegradable</i>	Plastik nipis dan ringan yang dihasilkan dari sumber yang boleh diperbaharui yang boleh terurai oleh mikroorganisma melalui proses enzimatik (<i>biodegradable</i> atau <i>compostable</i>) seperti plastik daripada sebatian kanji, PLA atau PHA. Kegunaan beg plastik umumnya untuk sekali guna untuk setiap pembelian. Perlu mendapatkan pensijilan SIRIM ECO Label 001: 2018.

Kutipan daripada kempen ini boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan tambahan kepada PBT/kerajaan negeri dan boleh digunakan untuk menampung kos operasi pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, termasuklah mengadakan kempen dan program Communication, Education and Public Awareness (CEPA) kepada masyarakat dalam usaha memelihara kelestarian alam sekitar.

Bagi negeri-negeri yang telah/akan melaksanakan penguatkuasaan untuk menggunakan beg *biodegradable/compostable*, kerajaan negeri adalah bebas untuk menentukan sama ada kutipan tersebut diserahkan kepada pihak kerajaan negeri atau dibenarkan untuk disimpan oleh peruncit bagi menampung kos pembelian beg *biodegradable/compostable*.

5.0 PUNCA KUASA

Punca kuasa yang diguna pakai bagi pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik adalah melalui syarat tambahan permohonan baharu atau pembaharuan lesen perniagaan di bawah peruntukan Seksyen 107(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu:-

“Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.”

Berdasarkan sub-seksyen ini, PBT mempunyai kuasa untuk mewajibkan premis perniagaan untuk mengutip caj ke atas beg plastik bagi pihak Kerajaan Negeri.

6.0 PROSES KERJA DAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN

6.1 KELULUSAN PELAKSANAAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK DAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN OLEH KERAJAAN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

- 6.1.1 Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) bersama Exco yang memegang portfolio alam sekitar akan menyediakan kertas pertimbangan bagi mencadangkan pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN);
- 6.1.2 Setelah MMKN meluluskan cadangan pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik, BPEN bersama Exco yang memegang portfolio kerajaan tempatan perlu mengadakan bengkel bersama pemegang taruh yang terdiri daripada pegawai PBT, terutamanya Unit/Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan, unit yang bertanggungjawab ke atas isu pencemaran plastik, Pegawai Undang-undang PBT dan Pegawai Undang-undang Negeri untuk mendapatkan input bagi penyediaan kertas pertimbangan pindaan undang-undang untuk Kelulusan MMKN;
- 6.1.3 BPEN dan Exco berkaitan menyediakan kertas pertimbangan kedua bagi tujuan mencadangkan pindaan undang-undang kecil pelesenan Pihak Berkuasa Tempatan (atau mana-mana undang-undang kecil yang sepadan/berkaitan) bagi membenarkan kutipan caj ke atas beg plastik melalui lesen perniagaan berdasarkan input yang diterima daripada semua pemegang taruh;
- 6.1.4 Kertas pertimbangan kedua dikemukakan dan dibentangkan dalam MMKN untuk kelulusan;
- 6.1.5 Sekiranya hanya seorang Exco yang bertanggungjawab bagi kedua-dua portfolio alam sekitar dan kerajaan tempatan, maka kedua-dua cadangan Kempen Tiada Beg Plastik dan pindaan undang-undang kecil PBT yang berkaitan boleh digabungkan dalam satu kertas pertimbangan sahaja.

6.2 SKOP PELAKSANAAN

- 6.2.1 Premis perniagaan yang wajib melaksanakan kutipan Kempen Tiada Beg Plastik adalah terdiri daripada semua premis perniagaan sedia ada dan premis perniagaan baharu yang akan mula beroperasi dalam kategori berikut:
 - (a) Pasar raya *Hyper (Hypermarket)*;
 - (b) Pasar raya Besar (*Supermarket*);
 - (c) Pasar raya Serbaneka (*Departmental Store*);
 - (d) Kedai Serbaneka (*Convenient Store*);
 - (e) Restoran Makanan Segera (*Fast Food Restaurant*);
 - (f) Kedai Serbaneka Stesen Minyak (*Petrol Station Convenient Store*);
 - (g) Kedai Rangkaian (*Chain Store*);
 - (h) Farmasi (*Pharmacy*); dan
 - (i) Lain-lain premis perniagaan berkaitan yang akan dimasukkan ke dalam senarai ini pada masa akan datang (*others*).

- 6.2.2 Setiap premis perniagaan yang disenaraikan di bawah para 6.2.1 perlu mendaftar dengan PBT mengikut lokasi premis masing-masing untuk mengisytiharkan sama ada akan membekalkan atau tidak membekalkan beg plastik kepada pelanggan.
- 6.2.3 Premis perniagaan yang memohon lesen premis perniagaan di dalam kawasan pentadbiran PBT A perlu berdaftar dengan PBT A dan seterusnya.
- 6.2.4 Premis perniagaan sedia ada yang telah beroperasi di bawah para 6.2.1 perlu diberi tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan seperti di para 6.2.3, contohnya 30 hari dari tarikh permulaan pelaksanaan di setiap negeri.
- 6.2.5 Setiap premis perniagaan baharu di bawah kategori para 6.2.1 yang baru memulakan perniagaan pada tarikh bermula atau selepas pelaksanaan caj pencemaran di negeri terlibat perlu serta-merta mengambil tindakan seperti 6.2.3.
- 6.2.6 Satu pendaftaran (bagi para 6.2.5 dan 6.2.6) adalah untuk satu premis perniagaan. Perniagaan yang mempunyai cawangan perlu mendaftarkan setiap cawangan secara individu berdasarkan lesen premis perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT.
- 6.2.7 Setiap pendaftaran atau pembaharuan perlu menggunakan **BORANG CP-A (LAMPIRAN 1)** mengikut PBT masing-masing dan disertakan bersama sesalinan dokumen:
- (a) Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
 - (b) Lesen Premis Perniagaan.
- 6.2.8 Setiap premis perniagaan akan diberikan **NOMBOR PENDAFTARAN KHUSUS** yang perlu digunakan sebagai rujukan bagi setiap urusan yang melibatkan Kempen Tiada Beg Plastik .
- 6.2.9 Nombor pendaftaran yang diberikan adalah unik bagi setiap permohonan mengikut daerah dan jenis premis. Nombor pendaftaran yang diberikan akan KEKAL dengan premis selagi ianya masih beroperasi di lokasi yang sama. Pendaftaran baharu perlu dibuat sekiranya perniagaan berpindah.
- 6.2.10 Setiap maklumat premis yang berdaftar mesti direkodkan dalam **DAFTAR PREMIS xxxxxx** di setiap PBT. Maklumat yang perlu dimasukkan dalam daftar ini adalah sebagaimana maklumat yang diberikan oleh pemohon dalam BORANG CP-A.
- 6.2.11 **Daftar ini perlu dikemas kini setiap kali terdapat pendaftaran baharu dan pembaharuan pendaftaran** oleh pemohon. Daftar yang dikemas kini perlu diserahkan kepada BPEN setiap suku tahun untuk simpanan rekod.
- 6.2.12 Setiap premis perniagaan yang berdaftar dengan PBT akan diberikan **SIJIL KEBENARAN MELAKSANAKAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK (LAMPIRAN 2)** yang membenarkan premis perniagaan membuat kutipan caj ke atas beg plastik pada kadar minimum RM0.20 bagi setiap helaian beg plastik yang dibekalkan di kaunter bayaran kepada pelanggan.

- 6.2.13 Setiap helaian SIJIL KEBENARAN MELAKSANAKAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK yang dikeluarkan mesti dikawal dan direkodkan dalam **DAFTAR PREMIS xxxxxx**.
- 6.2.14 SIJIL KEBENARAN MELAKSANAKAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK adalah eksklusif kepada perniagaan atau premis yang memohon dan tidak boleh dipinjam atau dipindah milik kepada mana-mana perniagaan atau premis lain.
- 6.2.15 SIJIL KEBENARAN MELAKSANAKAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK mesti dipamerkan dengan jelas untuk dilihat oleh pelanggan sebagai bukti kebenaran membuat kutipan caj bagi setiap helai beg plastik yang dikeluarkan kepada pelanggan.
- 6.2.16 Hanya premis perniagaan yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk membuat kutipan caj ke atas beg plastik.
- 6.2.17 Premis perniagaan yang membuat kutipan tanpa berdaftar dengan PBT akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 melalui pembatalan lesen premis perniagaan.
- 6.2.18 Pendaftaran hanya sah untuk tempoh satu (1) tahun dan perlu diperbaharui apabila tamat tempoh yang ditetapkan.
- 6.2.19 Tempoh sah laku SIJIL KEBENARAN MELAKSANAKAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK akan diselaraskan ke tarikh tamat Lesen Premis Perniagaan.
- 6.2.20 Pendaftaran premis bagi melaksanakan Kempen Tiada Beg Plastik ini perlu diperbaharui setiap tahun sebagai satu syarat bagi proses pembaharuan lesen perniagaan.

6.3 KAEDAH SERAHAN KUTIPAN

- 6.3.1 Setiap premis perniagaan yang telah berdaftar untuk melaksanakan Kempen Tiada Beg Plastik dibenarkan untuk mengenakan caj minimum sebanyak RM0.20 bagi setiap helai beg plastik yang dibekalkan kepada pelanggan di premis perniagaan semasa membuat bayaran.
- 6.3.2 Kutipan terkumpul ke atas caj beg plastik di premis perniagaan terlibat perlu diserahkan kepada PBT selewat-lewatnya pada 15 hari bulan setiap bulan berikutnya.
- 6.3.3 Serahan kutipan mesti dibuat secara individu mengikut premis perniagaan yang didaftarkan.
- 6.3.4 Serahan kutipan perlu menggunakan **BORANG CP-S (LAMPIRAN 3)** berserta maklumat inventori stok beg plastik perniagaan dan dikemukakan di kaunter bayaran PBT yang berkaitan.

- 6.3.5 Serahan kutipan perlu dibuat secara tunai atau menggunakan cek atas nama PBT mengikut kawasan premis perniagaan didaftarkan.
- 6.3.6 Premis yang mempunyai lebih dari satu cawangan di dalam satu PBT yang sama dibenarkan membuat serahan secara tunai atau menggunakan satu cek secara bersekali. Walau bagaimanapun, BORANG CP-S masih perlu diisi berasingan mengikut premis yang didaftarkan.
- 6.3.7 PBT akan mengeluarkan resit sebagai bukti penerimaan serahan kutipan beg plastik dari premis perniagaan. Bukti serahan kutipan juga akan dijadikan syarat bagi memperbaharui lesen premis perniagaan.

6.4 PENGECUALIAN KUTIPAN

- 6.4.1 Premis perniagaan yang berdaftar dengan PBT untuk melaksanakan Kempen Tiada Beg Plastik tetapi tidak lagi membekalkan beg plastik kepada pelanggan perlu membuat pengisytiharan semula seperti di para 6.2.3 dan juga membuat serahan bulanan kepada PBT menggunakan BORANG CP-S dengan **deklarasi TIADA KUTIPAN**.
- 6.4.2 Premis perniagaan yang menyerahkan BORANG CP-S dengan deklarasi TIADA KUTIPAN selama tiga (3) bulan berturut-turut boleh memohon kepada PBT bagi pengecualian daripada membuat serahan kutipan secara bulanan untuk bulan-bulan yang berikutnya dengan mengisi **BORANG CP-F (LAMPIRAN 4)**.
- 6.4.3 Semakan akan dilaksanakan oleh PBT di premis perniagaan yang mengemukakan permohonan pengecualian kutipan bagi tujuan pengesahan bahawa premis berkenaan tidak lagi membekalkan beg plastik kepada pengguna.
- 6.4.4 Premis perniagaan yang telah disahkan tidak membekalkan beg plastik kepada pelanggan akan diberikan **SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK SEKALI GUNA (LAMPIRAN 5)**.
- 6.4.5 Premis perniagaan perlu menyerahkan SIJIL KEBENARAN MELAKSANAKAN KEMPEN TIADA BEG PLASTIK kepada PBT sebagai syarat untuk digantikan dengan SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK SEKALI GUNA yang perlu dipamerkan di premis perniagaan.
- 6.4.6 Premis yang telah diberikan SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK SEKALI GUNA tidak perlu lagi membuat serahan kutipan bulanan kepada PBT.
- 6.4.7 SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK SEKALI GUNA perlu diperbaharui setiap tahun oleh premis perniagaan setelah ianya tamat tempoh.

7.0 PENUTUP

- 7.1 Garis Panduan Pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik oleh Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan berdasarkan Garis Panduan Penguatkuasaan Kempen Hari Tiada Beg Plastik Negeri Pulau Pinang 2017 dan maklumat sedia ada. Setiap kerajaan negeri berhak meminda dan menambah baik garis panduan ini berdasarkan keperluan, selagi mana ia tidak bertentangan dengan tujuan utama kutipan caj pencemaran ini dibuat.